



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (03) 04/C/KM/181/7 Jilid 1

30 Jun 2022

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan,

PERINGATAN MENJALANKAN AKTIVITI SEKTOR PENGILANGAN BUAH KELAPA SAWIT DAN PEMATUHAN KEPADA KEPERLUAN PERUNDANGAN DI BAWAH AKTA LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA 1998 (AKTA 582)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, industri kelapa sawit negara kini sedang mengalami penurunan drastik harga minyak sawit mentah. Situasi ini tidak dapat dielakkan kerana ianya bergantung kepada faktor permintaan dan penawaran. Tidak dapat dinafikan antaranya juga berpunca daripada tindakan Kerajaan Indonesia yang melaksanakan penarikan semula larangan eksport minyak sawit. Susulan daripada itu, pengeluar sawit terjejas namun purata harga jualan bagi minyak sawit mentah pada masa ini masih lagi melebihi purata kos operasi pengeluaran industri.

3. Kilang buah kelapa sawit merupakan tunggak utama dalam industri kelapa sawit yang memproses buah kelapa sawit (FFB) bagi menghasilkan minyak sawit mentah yang seterusnya digunakan untuk menghasilkan keluaran kelapa sawit yang pelbagai. Tujuan utama kilang buah kelapa sawit dilesenkan adalah bagi menjalankan aktiviti mengilang FFB yang dibeli atau diterima dari ladang sendiri, ladang luar, pekebun kecil atau peniaga buah kelapa sawit. Sehubungan itu, tindakan kilang buah kelapa sawit menghentikan operasi mengilang FFB secara langsung telah menjadikan **maksud asal lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud**.

4. Adalah diingatkan bahawa ketidakpatuhan kepada mana-mana perundangan yang sedang berkuat kuasa di Malaysia atau sekiranya Lembaga berpuas hati bahawa maksud asal lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud ianya boleh menyebabkan lesen tuan dibatalkan, digantung, atau tidak diperbaharui sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005.



7 - 9 November 2023
Kuala Lumpur Convention Centre



5. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ambil maklum akan kekangan yang dihadapi oleh pihak industri kelapa sawit di dalam situasi ini. Namun demi kelangsungan dan kelestarian industri kelapa sawit negara, MPOB amat menitikberatkan dan memandang serius agar semua kilang buah kelapa sawit mematuhi kehendak pelesenan iaitu menjalankan aktiviti membeli FFB dan mengilang FFB sebagaimana yang dinyatakan di dalam lesen bagi mengelakkan daripada sebarang tindakan undang-undang.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

s.k Puan Nurul Marha bt Mohamed
Timbalan Setiausaha Bahagian, BISS, KPPK